



MOTIVASI KESUKARELAWANAN DALAM KALANGAN GURU PELATIH INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI SARAWAK



ADIBA BT UMAR @ ADLI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018





**MOTIVASI KESUKARELAWANAN DALAM
KALANGAN GURU PELATIH INSTITUT
PENDIDIKAN GURU DI SARAWAK**

ADIBA BT UMAR @ ADLI



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (PENDIDIKAN MORAL)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: _____

No. Matrik /Matric No.: _____

Saya / I : _____

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi syukur dirafakkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNYa kajian ini dapat dilengkapkan dengan jayanya. Jutaan terima kasih buat penyelia utama Dr. Tan Bee Piang atas bimbingan dan sokongan dan para pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan yang tidak jemu memberi buah fikiran dalam penghasilan kajian ini. Sekalung penghargaan juga dihadiahkan buat Universiti Pendidikan Sultan Idris, Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI, Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Institut Pendidikan Guru di Sarawak kerana mengizinkan kajian ini dijalankan hingga selesai. Terima kasih juga buat tunggak dan tulang belakang iaitu suami, anak-anak dan ibu yang sentiasa memberi dorongan emosi dan motivasi bagi menyiapkan kajian ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memahami pelbagai dimensi motivasi kesukarelawanan (nilai, kefahaman, peningkatan, kerjaya, sosial dan perlindungan) yang wujud dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak yang terlibat dalam kursus Bina Insan Guru (BIG). Kursus BIG merupakan kursus selama enam semester yang mendedahkan guru pelatih dengan aktiviti yang dapat memupuk kemahiran insaniah antaranya melalui program kemasyarakatan dan kesukarelawanan. Kajian ini juga menganalisis korelasi antara pelbagai pembolehubah iaitu dimensi motivasi kesukarelawanan, tahap kepuasan dan kesediaan penglibatan berterusan sebagai sukarelawan. Kaedah pengumpulan data adalah melalui soal selidik yang diadaptasi daripada Volunteer Functions Inventory (VFI). Seramai 204 orang guru pelatih sepenuh masa IPG di Sarawak dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan responden adalah secara persampelan rawak iaitu guru pelatih tahun akhir yang telah lengkap mengikuti kursus Bina Insan Guru. Dapatan kajian ini menunjukkan jenis motivasi kesukarelawanan guru pelatih IPG yang paling tinggi ialah motivasi kefahaman. Ini menunjukkan motivasi utama yang mendorong guru pelatih terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan adalah untuk mempelajari pelbagai perkara baharu dan menggunakan ilmu yang dimilikinya. Jenis motivasi kedua tinggi ialah motivasi nilai altruisme, di mana guru pelatih yang terlibat dalam program kesukarelawanan juga didorong oleh sifat kemanusiaan dan belas kasihan. Hasil kajian juga menunjukkan motivasi nilai altruisme kesukarelawanan mempunyai hubungan signifikan yang paling tinggi dengan tahap kepuasan yang diperolehi oleh guru pelatih dalam penglibatan kesukarelawanan. Selain itu, kajian ini juga mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara motivasi kesukarelawanan dengan tahap kepuasan diri guru pelatih dan kesediaan penglibatan berterusan guru pelatih sebagai sukarelawan pada masa depan. Hasil kajian menunjukkan kursus BIG berjaya membantu memberi pendedahan dan kefahaman yang baik kepada guru pelatih tentang kesukarelawanan. Kajian ini turut mencadangkan kursus BIG boleh ditambahbaik lagi berdasarkan jenis motivasi, tahap kepuasan diri dan semangat untuk terus menjadi sukarelawan dalam kalangan guru pelatih.





MOTIVATION TOWARDS VOLUNTEERISM AMONG TRAINEE TEACHERS OF THE INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION IN SARAWAK

ABSTRACT

This study aimed to understand the different dimensions of motivation of volunteerism (value, understanding, enhancement, career, social and protective) among trainee teachers at Institute of Teacher Education (IPG) in Sarawak, who enrolled into the Character Building for Trainee Teachers (BIG) course. This course was a six-semester course which provided trainee teachers with activities that cultivated their soft skills through community service programs and volunteering. This study also analyzed the correlation among various variables namely, dimensions of motivation towards volunteerism, self satisfaction and preparation of continuous involvement as a volunteer in the future. Data was collected using established Volunteer Functions Inventory (VFI). Random sampling was used to select the final year trainee teachers who have completed the BIG course. A total of 204 full-time trainee teachers were selected. The findings showed that dimension of motivation for understanding was the highest among trainee teachers. This could mean that trainee teachers were motivated towards learning new things and applying the knowledge they possessed. This is followed by the dimension of motivation for value of altruism which showed that trainee teachers motivated by the humanitarianism and caring. In addition, value of altruism had the most significant relationship with levels of self-satisfaction obtained by the trainee teachers in the involvement of volunteerism. Additionally, this study also showed a significant relationship between the dimensions of motivation towards volunteerism with self-satisfaction of the trainee teacher and the preparation of continuous involvement as a volunteer in the future. The results indicated that the BIG course has helped in exposing and understanding the trainee teachers to volunteerism. The study concluded that BIG course could be further improved based on the various dimensions of motivation, the level of self-satisfaction and the willingness to continue as volunteers.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	9
1.3 Pernyataan Masalah	22
1.4 Objektif Kajian	25
1.5 Hipotesis Kajian	26
1.6 Kerangka Konsep Kajian	27
1.7 Kepentingan Kajian	28
1.8 Batasan Kajian	29





1.9	Definisi Istilah	30
1.9.1	Motivasi Kesukarelawanan	30
1.9.2	Institut Pendidikan Guru	31
1.9.3	Bina Insan Guru	31
1.9.4	Guru Pelatih	32
1.10	Rumusan	33

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	34
2.2	Fungsi Kesukarelawanan Menurut Teori Fungsi	36
2.3	Volunteer Functions Inventory	40
2.4	Teori Perkembangan Moral	43
2.5	Motivasi Kesukarelawanan	46
2.6	Kesediaan untuk Menjadi Sukarelawan	51
2.7	Kepuasan Sebagai Sukarelawan	54
2.8	Hubungan Antara Motivasi Kesukarelawanan dengan Jantina	57
2.9	Hubungan Motivasi Kesukarelawanan dengan Tahap Kepuasan Diri Guru Pelatih	61
2.10	Hubungan Motivasi Kesukarelawanan dengan Penglibatan Berterusan Sebagai Sukarelawan	63
2.11	Rumusan	71

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	73
3.3	Populasi Kajian dan Sampel Kajian	74
3.3.1	Populasi Kajian	74



3.3.2	Sampel Kajian	74
3.4	Instrumen Kajian	77
3.5	Kajian Rintis	81
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	82
3.7	Prosedur Analisis Statistik dan Interpretasi Data	82
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	84
3.9	Prosedur Kajian	86
3.10	Rumusan	87

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	89
4.2	Maklumat Latar Belakang Responden	92
4.2.1	Jantina	93
4.2.2	Semester	94
4.3	Analisis Dapatan Kajian	95
4.3.1	Analisis Deskriptif	95
4.3.1.1	Analisis Tahap Dimensi Motivasi Kesukarelawanan	95
4.3.1.2	Analisis Kesediaan untuk Terus Menjadi Sukarelawan	98
4.3.1.3	Analisis Kepuasan Sebagai Sukarelawan	102
4.4	Ujian Normaliti	105
4.5	Pengujian Hipotesis	106
4.5.1	Hubungan Antara Motivasi Kesukarelawanan dengan Jantina Guru Pelatih IPG di Sarawak	107
4.5.2	Hubungan Antara Motivasi Kesukarelawanan dengan Kepuasan Sebagai Sukarelawan	111



4.5.3	Hubungan Antara Motivasi Kesukarelawanan dengan Penglibatan Berterusan Sebagai Sukarelawan	113
-------	--	-----

4.6	Rumusan	119
-----	---------	-----

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	121
-----	------------	-----

5.2	Ringkasan	122
-----	-----------	-----

5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	123
-----	-----------------------------	-----

5.3.1	Dimensi Motivasi Kesukarelawanan	123
-------	----------------------------------	-----

5.3.2	Kesediaan untuk Terus Menjadi Sukarelawan	124
-------	--	-----

5.3.3	Kepuasan Sebagai Sukarelawan	125
-------	------------------------------	-----

5.3.4	Hubungan Antara Motivasi Kesukarelawanan dengan Jantina Guru Pelatih IPG di Sarawak	125
-------	--	-----

5.3.5	Hubungan Antara Motivasi Kesukarelawanan dengan Kepuasan Sebagai Sukarelawan	126
-------	---	-----

5.3.6	Hubungan Antara Motivasi Kesukarelawanan Dengan Penglibatan Berterusan Sebagai Sukarelawan	127
-------	--	-----

5.4	Kesimpulan Kajian	128
-----	-------------------	-----

5.5	Implikasi Kajian	129
-----	------------------	-----

5.6	Cadangan Kajian Masa Depan	131
-----	----------------------------	-----

5.7	Rumusan	133
-----	---------	-----

RUJUKAN		134
----------------	--	-----

LAMPIRAN		141
-----------------	--	-----



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Penentuan Sampel Berdasarkan Populasi	75
3.2 Taburan Soalan Borang Soal Selidik	79
3.3 Interpretasi Skor Min	83
3.4 Interpretasi Mengikut Skala Pekali Korelasi Pearson	84
4.1 Taburan Kekerapan dan Peratusan Profil Responden Mengikut Jantina	93
4.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Profil Responden Mengikut Semester	94
4.3 Analisis Deskriptif Dimensi Motivasi Kesukarelawanan	96
4.4 Analisis Deskriptif Kesyediaan	100
4.5 Analisis Deskriptif Keseluruhan Kesyediaan	101
4.6 Analisis Deskriptif Kepuasan Sebagai Sukarelawan	103
4.7 Analisis Deskriptif Keseluruhan Kepuasan Sebagai Sukarelawan	104
4.8 One-Sample Kolmogorov-Smirnov Test	105
4.9 Interpretasi Mengikut Skala Pekali Korelasi Pearson	106
4.10 Hubungan Antara Motivasi Kesukarelawanan dengan Jantina Guru Pelatih IPG di Sarawak	108
4.11 Analisis Hubungan Antara Motivasi Kesukarelawanan dengan Kepuasan Sebagai Sukarelawan	111
4.12 Analisis Hubungan Motivasi Kesukarelawanan dengan Penglibatan Berterusan Sebagai Sukarelawan	114





4.13	Ringkasan Dapatan Kajian	117
4.14	Ringkasan Pengujian Hipotesis	118



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1. Kerangka Konsep Kajian

27



SENARAI SINGKATAN

BIG	Bina Insan Guru
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
SPSS	<i>Statisticals Programs for Socials Sciences</i>
VFI	<i>Volunteer Funtions Inventory</i>



SENARAI LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik	141
---	---------------------	-----

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesukarelawanan telah lama diamalkan bukan sahaja di Malaysia malahan kepada seluruh masyarakat dunia. Di Malaysia, kerja-kerja kesukarelawanan telah diperkenalkan kepada pelajar seawal mereka berada di sekolah rendah lagi melalui aktiviti kelab dan persatuan. Di peringkat pengajian tinggi pula, kesukarelawanan didedahkan kepada mahasiswa melalui kursus yang mempunyai kredit tertentu. Pelajar yang menuntut di Institut Pendidikan Guru juga tidak terkecuali apabila mereka diwajibkan mengikuti kursus Bina Insan Guru selama 6 semester. Kursus Bina Insan Guru merupakan kursus wajib bagi semua guru pelatih untuk melahirkan guru yang seimbang dari sudut akademik, sahsiah dan sosialnya.



Pengkaji dan penganjur program-program kesukarelawanan mendapati memahami motivasi kesukarelawanan merupakan antara komponen terpenting dalam pengurusan kesukarelawanan (Yoshioka, Brown dan Ashcraft, 2007) dan kunci untuk mengurus para sukarelawan dalam sesebuah organisasi (Asghar, 2015). Clary dan Snyder (1999) menyatakan bidang kesukarelawanan mendapat perhatian untuk dikaji kerana walaupun hampir separuh daripada keseluruhan golongan dewasa di Amerika Syarikat berminat untuk menjadi sukarelawan tetapi hanya sebahagian kecil sahaja yang benar-benar memberikan penglibatan penuh sebagai sukarelawan. Keputusan sukarelawan untuk terus terlibat dalam bidang kesukarelawanan dipengaruhi oleh faktor adakah aktiviti-aktiviti kesukarelawanan selaras dengan keperluan dan matlamat seseorang sukarelawan (Clary dan Snyder, 1999). Kajian ini dijalankan untuk mengetahui apakah motivasi yang mendorong seseorang guru pelatih terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan dan kecenderungan mereka untuk kekal sebagai sukarelawan.

Pejuang hak asasi kulit hitam di Amerika Syarikat, Dr. Martin Luther King Jr. pernah mengungkapkan manusia seringkali cenderung untuk menilai kejayaan peribadi seseorang berdasarkan pendapatan yang dimilikinya tetapi bukan berdasarkan kualiti perkhidmatan sukarela yang diberikan kepada orang lain (Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia, 2013). Ungkapan tersebut jelas menunjukkan manusia seringkali dinilai berdasarkan kemewahan material miliknya tetapi tidak bersandarkan kekayaan jiwanya. Bagi menyuntik semangat dan memberi kesedaran kepada golongan belia di Malaysia tentang kepentingan menjadi





sukarelawan, tahun 2013 telah diisytiharkan sebagai Tahun Sukarelawan Kebangsaan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak. Beliau juga sekaligus melancarkan Program IM4U dengan peruntukan dana berjumlah RM100 juta untuk menggalakkan lebih ramai belia di Malaysia melibatkan diri dalam kesukarelawanan (Nur Raihan & Azizan, 2013). Malaysia memandang tinggi aktiviti kesukarelawanan sebagai asas pembentukan peribadi mulia rakyat Malaysia dan bagi membolehkan Malaysia berdiri teguh menghadapi cabaran, maka semangat dan aktiviti kesukarelawanan merupakan nilai penting yang dapat membina kerangka perpaduan nasional (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016).

Papadakis, Griffin dan Frater (2004) menyatakan kesukarelawanan adalah aktiviti untuk memberi manfaat dan faedah kepada orang lain, tanpa mengharapkan sebarang ganjaran atau faedah. Kesukarelawanan juga adalah ciri atau sifat yang wujud sejak kewujudan tamadun manusia dan dapat dijadikan sebagai kayu ukur sifat kemanusiaan seseorang (Tajul Arifin & Aishah Nadirah, 2013). Azrina Mazlin dan Vishalache (2016) pula menganggap kesukarelawanan merupakan amalan sosial yang dapat menghubungkan individu dengan individu yang lain dengan melakukan sesuatu yang memberi manfaat kepada manusia atau makhluk lain.

Kesukarelawanan juga telah lama dikaitkan dengan peribadi seseorang yang bermoral. Kepentingan moral dalam membentuk semangat kesukarelawanan telah dipelopori oleh tokoh falsafah Yunani kerana golongan tersebut pada waktu itu amat mementingkan soal ketinggian budi pekerti, pemerintah yang tegas dan adil dan





kehidupan rakyat yang aman dan harmoni (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016). Individu yang terlibat dalam kesukarelawanan juga akan menzahirkan sifat-sifat terpuji dalam diri individu seperti yang dinyatakan oleh Siti Raba'ah, Turiman dan Azimi (2015) iaitu aktiviti kesukarelawanan dapat menyemai disiplin, melahirkan rasa bertanggungjawab, semangat cintakan bangsa dan negara, menggalakkan budaya bekerjasama dan rasa prihatin terhadap masyarakat seluruh dunia. Ini bermaksud kesukarelawanan memberi faedah bukan hanya kepada rakyat sesebuah negara malah sukarelawan akan menzahirkan semua sifat tersebut walau di mana individu tersebut berada. Pendapat ini juga diakui oleh Sharifah Fatmah (2008) seperti yang dipetik dalam Tajul Ariffin dan Aishah Nadirah (2013) yang berpendapat, penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan adalah pendekatan yang penting dalam pendidikan moral kerana nilai-nilai murni yang dipelajari di sekolah akan dapat diaplikasikan dengan menjadi sukarelawan. Seseorang akan bertingkah-laku moral melalui cara tolong-menolong, menunjukkan sifat kasih sayang dan lebih prihatin terhadap komuniti (Tajul Ariffin & Aishah Nadirah, 2013).

Definisi sukarelawan menurut pengkaji luar negara seperti Jorgensen (2013), ditakrifkan sebagai seseorang insan berhati mulia yang bersedia menyumbangkan masa dan tenaga sebagai sukarelawan. Jorgensen (2013) menegaskan seseorang menjadi sukarelawan disebabkan oleh pelbagai faktor seperti keinginan untuk membantu meringankan beban orang lain, dapat bertemu dan bergaul dengan masyarakat, mempelajari perkara dan kemahiran baru, mendapatkan maklumat tentang organisasi dan kerjaya sekaligus untuk mendapat pengalaman kerja yang





berguna untuk kerjaya masa depan mereka. Kajian di Malaysia seperti Tuan Pah Rokiah dan Lilah (2016) pula mendefinisikan sukarelawan sebagai seseorang atau sekumpulan belia yang ikhlas dan mempunyai nilai-nilai murni, tidak mementingkan diri sendiri, tidak dipaksa dan bersedia dari segi mental untuk memberi komitmen yang tinggi.

Langkah demi langkah semakin giat dijalankan untuk menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam diri rakyat Malaysia walaupun aktiviti kesukarelawanan sebenarnya telah lama diamalkan oleh masyarakat di Malaysia. Aktiviti-aktiviti kesukarelawanan telah melalui fasa baharu dalam pelbagai bentuk dan program malah semakin diminati dan kian berkembang dalam masyarakat Malaysia (Siti Raba'ah, Turiman & Azimi, 2015). Asas kesukarelawanan telah didedahkan sejak awal lagi apabila murid-murid terlibat di dalam pelbagai kegiatan kokurikulum seperti persatuan seperti Bulan Sabit Merah, Pengakap, Pandu Puteri, St. John Ambulan dan sebagainya sejak di sekolah rendah. Apabila melangkah ke sekolah menengah, para pelajar seterusnya akan terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan menerusi aktiviti kelab dan persatuan seperti Kadet Remaja, Kadet Polis, Puteri Islam dan sebagainya.

Menurut Wardatul Aishah dan Nooraini (2014), kokurikulum didefinisikan sebagai sebarang aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah di bawah pengawasan atau tanpa pengawasan pihak yang mempunyai autoriti dan aktiviti tersebut bersifat terbuka dan bebas untuk disertai oleh mana-mana individu yang berminat





menyertainya. Aktiviti-aktiviti ini akan dapat mengukuhkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diajar semasa pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia menerapkan kesukarelawanan sejak di sekolah rendah amat disokong malah Azrina Mazlin dan Vishalache (2016) berpendapat silibus kesukarelawanan juga wajar didedahkan seawal peringkat prasekolah bagi membolehkan rakyat Malaysia memahami kepentingannya sejak kanak-kanak dan bukannya hanya ditekankan setelah mereka berada di institusi pengajian tinggi.

Kokurikulum juga dapat menjadikan remaja lebih berkeyakinan tinggi, berdaya saing, berbakat dan mempunyai kemahiran insaniah dan cemerlang dalam pelajaran, Wardatul Aishah dan Nooraini (2014). Pentingnya bagi guru pelatih terlibat dalam aktiviti kokurikulum kerana aktiviti kokurikulum dapat membentuk diri secara holistik, merangsang deria seiring dengan perkembangan diri, meningkatkan tahap kepercayaan sendiri dan lebih menghargai diri sendiri. Aktiviti ini juga membantu membina kemahiran diri, tidak mudah berputus asa dan mengelakkan pelajar daripada terjebak dalam keruntuhan moral (Wardatul Aishah dan Nooraini, 2014). Terdapat lapan teras utama kursus-kursus kokurikulum iaitu Teras Sukan, Teras Kebudayaan, Teras Daya Usaha dan Inovasi, Teras Pengucapan Awam, Teras Kesukarelawanan, Teras Khidmat Komuniti, Teras Keusahawanan dan Teras Kepemimpinan. Teras Kesukarelawanan berperanan untuk mendidik remaja di Malaysia untuk melakukan sesuatu pekerjaan secara sukarela tanpa mengharapkan sebarang upah sekaligus akan melahirkan remaja yang berani untuk berhadapan



dengan masyarakat. Teras Khidmat Komuniti pula akan menjadikan remaja lebih yakin dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat (Wardatul & Nooraini, 2014). Tidak terhad untuk membantu mereka yang memerlukan, penglibatan anggota masyarakat dan program kesukarelawanan amat penting untuk meningkatkan keselamatan awam dan mencegah jenayah. Agensi penguatkuasa menjalin kerjasama utuh dengan masyarakat melalui aktiviti kesukarelawanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Sukarelawan Simpanan Polis (SSP) yang terdiri daripada 5,685 orang ahli RELA, JPAM dan masyarakat telah membantu pihak polis mencegah jenayah pada 2014. Skim Rondaan Sukarela (SRS) merupakan program pengawasan jenayah berasaskan komuniti di bawah Program Rukun tetangga (RT) telah meningkatkan penyertaan masyarakat dalam pencegahan jenayah. Bilangan ahli yang menyertai Skim Rondaan Sukarela meningkat kepada 4,460 pada 2014 berbanding hanya 2,910 orang pada tahun 2011.

Apabila melangkah kaki ke pusat pengajian tinggi, pelajar didedahkan dengan aktiviti kesukarelawanan yang lebih luas konsepnya. Julinawati, Mohammad Rezal, Azizan, Ku Amir, Siti Rabaah dan Turiman (2012), mendapati aktiviti kesukarelawanan yang sering disertai oleh mahasiswa di IPTA adalah sukarelawan sukan dan khidmat masyarakat. Ini disebabkan oleh kebanyakan universiti awam menjadikan sukan sebagai aktiviti tahunan universiti manakala aktiviti khidmat masyarakat berbentuk bakti siswa, kampung angkat dan khidmat komuniti sering dianjurkan oleh kolej kediaman dan persatuan pelajar. Berbanding universiti awam,





Institut Pendidikan Guru Malaysia pula menyediakan kurikulum Bina Insan Guru (BIG) sebagai salah satu kursus yang wajib diambil oleh guru pelatih sepanjang enam semester, bersesuaian dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang mahu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan inteleknya. Ini akan dapat memenuhi konsep pendidikan sebagai proses pembelajaran sepanjang hayat yang mampu mengubah masyarakat menjadi lebih bertamadun dan mampu membentuk manusia yang seimbang dari sudut intelek, rohani, emosi dan fizikalnya. Bagi mencapai matlamat tersebut, guru wajib dilengkapi dengan kualiti diri yang tinggi (Suppiah, Hari, Sunder & Velayudhan, 2012).

Kajian tentang kesukarelawanan adalah penting untuk memahami mengapa sukarelawan sanggup mengorbankan sebahagian masa dan tenaga mereka dalam aktiviti kesukarelawanan (Haas, 2000) kerana dengan memahami motivasi kesukarelawanan akan dapat membantu mengekalkan komitmen sukarelawan sedia ada dan mengurangkan sesebuah organisasi terpaksa mengambil dan melatih sukarelawan yang baharu (Deborah, 2011).

Kajian tentang penghayatan belia di Malaysia yang berbilang bangsa terhadap kesukarelawanan juga penting dilakukan kerana belia merupakan pencorak masa depan masyarakat dan negara. Kajian melibatkan kesukarelawanan dalam kalangan belia di universiti akan dapat menyalurkan maklumat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) di peringkat universiti untuk meningkatkan dan menggalakkan penglibatan pelajar dalam





kesukarelawanan (Wan Nur Izzati, 2015). Belia yang sering terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan juga akan mampu memberi impak tinggi dalam membina negara bangsa yang kuat dan maju (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016). Maka, kajian ini dijalankan khusus untuk mengenalpasti motivasi kesukarelawanan guru pelatih yang telah didedahkan dengan aktiviti-aktiviti luar kelas dan program-program khidmat masyarakat sepanjang lima setengah tahun pengajian di IPG. Institut Pendidikan Guru diharap dapat melahirkan guru pelatih yang sentiasa menyokong dan mendokong aktiviti kesukarelawanan kerana Nur Raihan dan Azizan (2013) menyatakan kesukarelawanan tidak hanya melengkapkan pelajar dengan pengalaman diri, sosial dan kesedaran terhadap sosio-politik malah dapat meningkatkan rasa tanggungjawab untuk menyumbang semula kepada masyarakat. Ini amat penting untuk melahirkan pelajar yang tidak hanya bijak dalam akademik malah mempunyai sahsiah, akhlak yang terpuji dan kemahiran insaniah yang tinggi.



1.2 Latar Belakang Kajian

Visi dan misi Bahagian Pendidikan Guru dan Kementerian Pelajaran Malaysia berhasrat untuk melaksanakan sistem pendidikan guru berkualiti yang bertaraf dunia bagi melahirkan para guru yang berketrampilan dan dapat memenuhi aspirasi negara (Mang, 2008). Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memastikan lahirnya guru yang mencapai tahap kualiti yang tinggi dan memastikan para guru ini kekal berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan dalam





sistem pendidikan Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, latihan perguruan guru telah dimantapkan, sistem pemilihan calon guru telah ditambah baik, melonjakkan kecemerlangan institusi latihan perguruan dan menambah baik laluan kerjaya serta kebajikan para guru (Standard Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Standard Guru Malaysia berpegang pada falsafah untuk melahirkan “Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin” (Standard Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009).

Salah satu domain sosial yang cuba dicapai oleh Standard Guru Malaysia adalah guru harus memainkan peranan sebagai agen sosialisasi dan menjana modal insan dalam masyarakat. Bagi mencapai matlamat domain tersebut, guru wajib mengamalkan nilai keharmonian, cintakan alam sekitar, mempunyai semangat bermasyarakat, kemahiran sosial serta patriotik (Standard Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009).

Selaras dengan hasrat sistem pendidikan di Malaysia untuk melahirkan modal insan yang baik secara keseluruhan dan bersepadu iaitu baik dari sudut emosi, intelek, jasmani dan rohani (Mohamad Khairi & Asmawati, 2010), maka elemen-elemen penting seperti akhlak, moral dan nilai-nilai murni harus ditekankan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bagi melahirkan guru-guru yang memenuhi falsafah tersebut,





adalah penting guru yang dilahirkan oleh institusi latihan guru mencapai nilai-nilai penting dalam Domain Diri iaitu percaya kepada Tuhan, adil, amanah, aktif dan sihat, berilmu, bertimbang rasa, berbudi bahasa, cergas, mempunyai daya saing dan daya tahan yang tinggi, efisien, kemahiran interpersonal dan intrapersonal, sabar serta mempunyai semangat sukarela dalam diri (Standard Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009).

Semangat kesukarelawanan merupakan salah satu ciri penting yang wajib ada di dalam Domain Diri Standard Guru Malaysia. Justeru, pada 2001 Bahagian Pendidikan Guru yang kini dikenali sebagai Institut Pendidikan Guru Malaysia telah memperkenalkan program Bina Insan Guru yang bertujuan untuk membangun dan menyuburkan kemahiran insaniah dalam diri guru pelatih melalui gabungan aktiviti ~~latihan~~ dan latihan dinamika kumpulan (Bahagian Pendidikan Guru; 2005 dalam Md Amin, Azlizam & Jaffry, 2011). Memberi latihan atau kursus akan dapat mengubah persepsi guru dalam menjayakan sesebuah inovasi (De Jagler, Reeziqr dan Creemers, 2002 dalam Caroline & Abdul Said, 2014). Menurut kajian tersenbut, kejayaan sesuatu inovasi dalam pendidikan amat bergantung kepada pengetahuan dan sikap guru pelatih setelah menjadi seorang guru di sekolah. Oleh itu, kursus Bina Insan Guru merupakan platform yang tersusun dan terancang untuk memberi pendedahan kepada guru pelatih di Institut Pendidikan Guru tentang kemahiran kerja berpasukan dan bersosial dengan ahli pasukan dan masyarakat. Pelajar-pelajar di universiti-universiti awam (UA) turut didedahkan dengan pendidikan luar yang dijadikan mata pelajaran teras bagi pelajar-pelajar jurusan Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani





manakala pelajar-pelajar daripada jurusan lain juga berpeluang mengikuti pendidikan luar secara formal mahupun tidak formal melalui kokurikulum bercredit seperti Kembara Alam, Kelab Rekreasi Luar, Kelab Kayak dan lain-lain.

Bina Insan Guru merupakan satu kursus yang wajib diambil oleh guru pelatih di Institut Pendidikan Guru selama 6 semester bermula dari semester 1 hingga 6. Bermatlamat untuk melahirkan guru-guru permulaan yang bersahsiah tinggi dan memiliki kemahiran insaniah yang terbaik sebagai guru, kursus ini telah diperkenalkan mulai tahun 2001. Setiap semester, guru pelatih akan melalui fasa Bina Insan Guru terancang yang bertujuan untuk membina kemahiran insaniah, karektor dan peribadi guru yang mulia (Ismail, Soaib, Shamsudin & Shafee, 2014). Kemahiran insaniah adalah kemahiran generik yang dikaitkan dengan personaliti individu, bijak dalam berkomunikasi dan bersosial serta berinovatif (Norhiza, Faridah & Farah, 2014). Kemahiran insaniah dianggap sama pentingnya dengan kelulusan akademik yang sewajarnya dimiliki oleh seorang siswazah. Ini disebabkan oleh kemahiran insaniah yang merangkumi kemahiran berkomunikasi, daya kepimpinan, etika dan nilai murni, dan pemikiran kritis dan kreatif dapat membantu seseorang membuat keputusan yang tepat dalam kerjaya dan kehidupannya. Ting, Ying, Saad dan Isa, (2012) menyatakan, kurangnya kemahiran insaniah adalah antara faktor mengapa isu pengangguran berlaku dalam kalangan graduan institusi pengajian tinggi. Bagi membangunkan kemahiran insaniah dalam diri guru pelatih, semua guru pelatih di IPG diwajibkan mengikuti kursus Bina Insan Guru. Objektif kursus adalah untuk melahirkan guru permulaan yang bukan sahaja berpengetahuan dan berdaya maju,





malah mempunyai daya saing dan ketahanan diri yang tinggi. Kursus ini melibatkan enam fasa yang meliputi aktiviti perkhemahan, aktiviti air, kembara, membina jaringan hubungan sosial dan penerapan nilai-nilai murni. (Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian, cetakan 2012).

Bina Insan Guru yang diikuti oleh para guru pelatih di IPG adalah seperti berikut:-

1. Fasa/Semester 1: Aktiviti perkhemahan untuk menerapkan daya saing, membina keyakinan diri dan berani menghadapi cabaran.
2. Fasa/Semester 2: Khidmat kemasyarakatan yang mendedahkan guru pelatih dengan anggota masyarakat dengan memberi khidmat bakti untuk melahirkan guru pelatih yang bijak bergaul, berakuntabiliti, kreatif dan seimbang di antara akademik dan hubungan sosial.
3. Fasa/Semester 3: Memupuk kesedaran untuk bergaul secara rasmi dengan masyarakat di mana guru pelatih didedahkan dengan etiket sosial dan protokol, adab di meja makan, etika berpakaian, pengucapan awam, kesantunan berbahasa, mengelola dan mengendalikan majlis rasmi.





4. Fasa/Semester 4: Merancang aktiviti perkhemahan dan berinteraksi dengan masyarakat setempat, kembara sosial, khidmat pendidikan dan kemasyarakatan kepada penduduk setempat serta memupuk nilai kreativiti dan bekerjasama.
5. Fasa/Semester 5: Pendedahan kepada perkembangan latihan dan penandaarasan melalui akta, pekeliling, fungsi Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah dan lawatan.
6. Fasa/Semester 6: Meningkatkan profesionalisme sendiri secara berterusan melalui bengkel, penandaarasan, refleksi dan lawatan.

Pendidikan di Institut Pendidikan Guru (IPG) bertujuan untuk membina, membentuk dan melahirkan siswa guru yang dapat mengamalkan 7 dimensi budaya cemerlang iaitu budaya ilmu, akhlak dan moral, estetika, hidup sihat, kepimpinan, penyayang dan profesional (Norhiza, Faridah & Farah, 2014). Bakal guru seharusnya telah dilengkapi dengan kemahiran insaniah yang tinggi selain menguasai sepenuhnya kemahiran pedagogi selepas menamatkan pengajian di IPG. Justeru, Bina Insan Guru merupakan medium terbaik untuk melahirkan guru yang komited, cemerlang dan serba boleh (Norhiza, Faridah & Farah, 2014). Bina Insan Guru juga dapat menyemai sahsiah dan membangunkan kemahiran insaniah dalam diri guru pelatih (Ismail et al., 2014) dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa kursus Bina Insan Guru dapat memotivasikan guru pelatih untuk membangunkan kualiti diri guru pelatih seperti





bersemangat, bertanggungjawab, berdikari dan berani mencuba (Suppiah et al., 2012).

Enam fasa kursus Bina Insan Guru adalah aktiviti perkhemahan, aktiviti air, aktiviti kembara, membina jaringan sosial yang baik dan menerapkan nilai murni menerusi Latihan Dalam Kumpulan (Norhiza, Faridah & Farah, 2014). Kursus ini dapat memupuk kemahiran insaniah merangkumi akauntabiliti, amanah, cergas dan patriotik, etiket sosial dan protokol, kreatif dan inovatif, kesantunan berbahasa, kemahiran mendengar secara elektif, kemahiran berfikir aras tinggi, memupuk ciri-ciri pemimpin dalam diri, meningkatkan profesionalisme sendiri dan pengurusan sekolah (Norhiza, Faridah & Farah, 2014).



kepada guru pelatih dengan domain pembangunan diri insan yang seimbang. Fokus domain ini adalah untuk menghasilkan pembangunan diri yang seimbang, membina hubungan guru dengan komuniti sekeliling, akauntabiliti profesionalisme, aktiviti kemasyarakatan menerusi khidmat masyarakat dan khidmat pendidikan kepada komuniti. Hasilnya diharapkan akan dapat melahirkan guru yang berkualiti iaitu amanah, berakauntabiliti, kreatif dan inovatif. Jelasnya, guru yang berkualiti akan dapat menentukan kejayaan sistem pendidikan sesebuah negara dan sistem pendidikan yang baik dan berkesan dapat memajukan sesebuah negara (Halimah, 2006).





Justeru, pada fasa 2 ini guru pelatih akan menjalankan khidmat kesukarelawanan kepada masyarakat seperti menjalankan kerja-kerja amal di Rumah Orang-Orang Tua, Rumah Anak Yatim, menjalani Program Keluarga Angkat dan lain-lain bentuk program yang berbentuk kesukarelawanan. Program Bina Insan Guru telah memberi pendedahan dan pengalaman kesukarelawanan kepada guru pelatih. Namun begitu, pengalaman kesukarelawanan guru pelatih tidak terhenti di situ. Apabila banjir besar melanda Kelantan pada 2014, hampir 700 orang guru pelatih dari IPG seluruh negara telah terlibat dengan operasi bantuan pasca banjir dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan (Utusan Malaysia, 9 Januari 2015) dan program-program kesukarelawanan lain yang dianjurkan oleh setiap Institut Pendidikan Guru. Antara aktiviti kesukarelawanan yang disertai oleh guru pelatih IPG di Sarawak khasnya adalah seperti Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Projek Kurma Ramadhan iaitu mengagihkan kurma dan air di stesyen-stesyen minyak pada bulan Ramadhan, Projek Telekung Kenyalang iaitu para guru pelatih melakukan kerja-kerja amal dengan membersihkan surau-surau dan telekung di stesyen-stesyen minyak dan pasaraya, serta Projek Rintis Ilmu di mana guru pelatih mengadakan kelas tambahan secara percuma kepada murid-murid miskin yang akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Setiap kali menjelang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri, Program Raikan Syawal akan dianjurkan iaitu guru-guru pelatih akan mengumpulkan sumbangan berupa wang ringgit, pakaian dan makanan daripada guru-guru pelatih dan kakitangan Institut Pendidikan Guru untuk disumbangkan ke rumah kebajikan dan rumah orang





tua di sekitar Kota Samarahan dan Kuching untuk golongan tersebut sama-sama berkongsi kemeriahan Hari Raya. Program 'Go Go Green' peringkat negeri Sarawak pula merupakan program usahasama badan swasta dan institut pengajian tinggi di Sarawak untuk menjaga alam sekitar dan kebersihannya.

Kesukarelawanan juga sangat berkait rapat dengan bidang Pendidikan Moral. Menurut Wan Nur Izzati (2015), salah satu pendekatan Pendidikan Moral dapat dilihat menerusi penglibatan dalam program kesukarelawanan. Ini dibuktikan menerusi domain tingkah laku moral apabila sukarelawan tersebut mengekspresikan keprihatinan dan kasih sayang dengan cara membantu anggota masyarakat tanpa mengharapkan sebarang balasan. Kesukarelawanan selaras dengan objektif mata Pelajaran Pendidikan Moral yang diajar di sekolah iaitu mencapai tiga domain moral iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Domain moral ini dapat diterjemahkan melalui penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan. Pengetahuan tentang nilai-nilai murni yang dipelajari dalam mata pelajaran Pendidikan Moral diaplikasi dengan menjadi seorang sukarelawan yang dapat menyumbang sesuatu yang bermakna untuk masyarakat (Sharifah Fatmah, 2008).

Terdapat 5 objektif dalam mata pelajaran Pendidikan Moral iaitu supaya murid dapat memahami dan menghayati nilai-nilai moral; menyedari, menerima dan mengekalkan keharmonian manusia dengan alam sekitar; meningkatkan semangat bekerjasama dan sefahaman antara rakyat Malaysia yang hidup demokratik; meluaskan pemikiran dan perasaan moral; dan berazam untuk mengamalkan tingkah





laku bermoral secara altruistik dan adil sejajar dengan nilai murni masyarakat Malaysia (Dokumen Standard Prestasi Pendidikan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Domain tindakan moral yang diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Moral terdiri daripada keadilan, altruisme dan autonomi (Chander, Wan Hasmah, Fauziah & Munimah, 2014). Altruisme merupakan tindakan seseorang yang mengutamakan kebajikan dan belas kasihan terhadap orang lain. Chander et al., (2014) juga menyatakan sesuatu tindakan hanya akan dianggap bermoral apabila seseorang mengambil kira nilai belas kasihan, empati, kesejahteraan, perikemanusiaan dan simpati. Kesukarelawanan melambangkan satu bentuk tindakan altruisme kerana sukarelawan menyumbang kepada masyarakat dari sudut masa, tenaga atau wang untuk kesejahteraan orang lain tanpa mengharapkan sebarang balasan. Wan Nur Izzati (2015) menyatakan, penglibatan pelajar di peringkat universiti dalam kesukarelawanan penting untuk memastikan pendekatan Pendidikan Moral lebih berkesan dilaksanakan pada masa hadapan.

Penglibatan golongan pelajar yang menuntut di universiti awam dan swasta serta guru pelatih di IPG adalah amat penting kerana status mereka sebagai pelapis masa depan negara. Mahasiswa seharusnya aktif dan bersemangat untuk menyuarakan pendapat dan idea serta berupaya menyumbangkan kemahiran dan tenaga untuk pembangunan Malaysia (Wan Nur Izzati, 2015). Datuk Seri Hj. Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi menyatakan pada 2013 terdapat 1.2 juta belia yang sedang belajar di peringkat universiti dan mereka memainkan peranan untuk menyumbang kepada pembangunan negara (Mardhiyyah, Kahirudin, Asmidar &





Mohd Dasuqkhi, 2013). Usaha bersama di antara pihak kerajaan dan organisasi bukan kerajaan perlu dilakukan untuk mempromosikan aktiviti kesukarelawanan supaya budaya kesukarelawanan semakin mendapat tempat di hati generasi muda (Mohd Nasir, Siti Norlina dan Siti Aisyah, 2014) kerana kesukarelawanan tidak hanya memberi manfaat kepada golongan yang dibantu malah memberi kesan positif kepada sukarelawan itu sendiri. Kajian oleh Azrina Mazlin dan Vishalache (2016) mendapati terdapat lima kesan positif apabila belia terus melibatkan diri dalam kegiatan kesukarelawanan iaitu sukarelawan akan dapat sentiasa bermuhasabah diri apabila melihat nasib orang lain yang lebih susah, lebih prihatin dengan keperluan individu lain dan meningkatkan kemahiran dalam diri sukarelawan. Selain itu, belia yang memperuntukkan masa lapangnya dengan menjadi sukarelawan mempunyai gaya hidup yang lebih sihat apabila terhindar daripada budaya lepak yang sia-sia dan gejala sosial lain yang membimbangkan, malah sukarelawan juga akan dapat meluaskan rangkaian kenalan apabila bergaul dengan sukarelawan lain yang mempunyai latarbelakang berbeza dan meningkatkan kemahiran interpersonal untuk sama-sama berkongsi idea bagi menjayakan misi kesukarelawanan (Azrina Mazlin & Vishalache, 2016).

Kolaborasi antara banyak pihak sangat penting kerana semangat kesukarelawanan yang wujud dalam diri seseorang individu tidak boleh dipaksa. Ini kerana kesukarelawanan akan menuntut pengorbanan kewangan, masa dan tenaga yang tinggi (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016). Bagaimanapun, pendidikan kesukarelawanan yang berbentuk holistik yang berbentuk formal dan berstruktur akan





membolehkan mahasiswa memahami kepentingan budaya kesukarelawanan (Julinawati et al., 2012). Bringle dan Hatcher, 1996 dalam Bowie dan Cassim (2016) mentakrifkan kursus wajib yang ber kredit seperti Bina Insan Guru merupakan pembelajaran berkhidmat iaitu kursus berasaskan pengalaman di mana pelajar terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan yang memenuhi keperluan masyarakat dan pada masa yang sama memahami tentang kandungan kursus dan menggalakkan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat. Suatu kursus itu dianggap sebagai pembelajaran berkhidmat apabila kedua-dua pihak iaitu pelajar yang memberi perkhidmatan dan masyarakat yang menerima perkhidmatan, mempelajari sesuatu daripada perhubungan tersebut (Furco, 2011 dalam Bowie dan Cassim, 2016). Kursus yang termasuk dalam pembelajaran berkhidmat seharusnya mempunyai empat ciri penting berikut iaitu relevan dan bermakna kepada masyarakat, meningkatkan pembelajaran akademik, pembelajaran bertujuan dan mempunyai struktur refleksi (David Kolb, 1984). Oleh itu, Zaliha dan Mohd Ramlan (2012) berpendapat organisasi kesukarelawanan selaku penganjur seharusnya berganding bahu dengan institusi pendidikan untuk faedah masyarakat dan negara. Justeru, sokongan padu yang melibatkan individu perseorangan, kerajaan dan badan bukan kerajaan amat penting bagi memastikan budaya kesukarelawanan ditanam dan dipupuk dalam diri setiap manusia.

Walaupun pendidikan luar seperti Bina Insan Guru dan khidmat masyarakat memberi kesan positif, namun masih terdapat faktor yang menghalang keberkesanan program ini. Terdapat beberapa isu yang menghimpit perkembangan pendidikan luar terutamanya di peringkat pengajian tinggi (Md Amin, Azlizam & Jaffry, 2011) seperti





kesesuaian cara pendekatan pembelajaran, kos penganjuran yang tinggi, insiden kemalangan dan perubahan sistem pendidikan yang lebih berfokuskan peperiksaan. Program Bina Insan Guru yang merupakan satu bentuk pembelajaran berkhidmat berasaskan pengalaman di mana terdapat sejumlah kredit kursus yang wajib diambil untuk setiap semester. Menurut Bowie dan Cassim (2016) pembelajaran berasaskan pengalaman seharusnya berterusan dan disokong oleh pengalaman lalu dan ahli masyarakat tidak seharusnya merasa mereka hanya dipergunakan semata-mata untuk memastikan pelajar dapat melengkapkan kursus dan kredit yang wajib diambil semasa belajar. Pembelajaran berkhidmat seharusnya membuat program susulan untuk memberi kesan jangka panjang yang bermanfaat kepada masyarakat. Untuk itu, bagi menjadikan program sukarelawan lebih berkesan, tumpuan untuk memotivasikan sukarelawan dengan memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk berkhidmat atau memulakan kerjaya yang berkaitan dengan organisasi sukarela seharusnya diberi penekanan (Siti Raba'ah, Turiman & Azimi, 2015). Lebih banyak kajian yang melibatkan belia dalam sukarelawan perlu dijalankan kerana golongan belia merupakan nadi kekuatan untuk sesebuah negara (Azrina Mazlin & Vishalache, 2016).





1.3 Pernyataan Masalah

Kursus Bina Insan Guru dilaksanakan atas kesedaran bahawa guru merupakan pembina generasi yang seharusnya mempunyai jati diri yang kuat dan dapat menjadi ‘role model’ kepada masyarakat (Norhiza, Faridah & Farah, 2014). Kursus ini telah mendedahkan guru pelatih dengan program kemasyarakatan dan kesukarelawanan yang tersusun dan terancang sejak dilaksanakan oleh tahun 2002. Bagaimanapun, kejayaan dan keberkesanan sesuatu program adalah bergantung kesannya kepada semua individu yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam program tersebut. Keberkesanan kepada sejauh mana program Bina Insan Guru bergantung kepada sejauh mana ia dapat menghasilkan kesedaran sendiri dalam kalangan guru pelatih (Ismail et al., 2014). Oleh itu, kajian tentang motivasi kesukarelawanan guru pelatih harus dilaksanakan selepas selesai program Bina Insan Guru selama 6 fasa di institut pendidikan guru.

Kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2011) ke atas 5223 orang responden mendapati 27.1 peratus iaitu seramai 1415 orang daripadanya berminat untuk menjadi sukarelawan. Namun daripada jumlah tersebut, hanya 950 orang daripadanya yang benar-benar telah menjadi sukarelawan (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011). Di peringkat mahasiswa pula, walaupun telah didedahkan dengan program-program khidmat masyarakat sepanjang menuntut di pusat pengajian tinggi, 62 peratus daripada 355 orang mahasiswa masih lagi mempunyai tahap kesedaran sosial yang rendah terhadap





masyarakat (Adibah, Syafry, Nor Fadila & Crystal, 2016). Ini sekali gus menimbulkan persoalan iaitu mengapa kebanyakan belia terlibat dalam kesukarelawanan dan menyedari manfaat daripadanya namun tidak semua yang mempunyai kesedaran untuk terlibat dalam mana-mana program kesukarelawanan di Malaysia secara sukarela. Terdapat perbezaan di antara organisasi kesukarelawanan yang diminati oleh sukarelawan lelaki dan perempuan. Kajian di luar negara mendapati sukarelawan lelaki lebih cenderung untuk terlibat dalam kesukarelawanan berbentuk sukan, hobi dan politik, manakala perempuan lebih mengutamakan aktiviti kesukarelawanan yang dianjurkan oleh organisasi pendidikan, keagamaan keibubapaan dan kebajikan (Einolf, 2011). Oleh itu, dengan memahami mengapa seseorang bermotivasi untuk menjadi seorang sukarelawan atau sebaliknya amat penting untuk dikaji oleh para penggubal polisi dan penganjur program-program kesukarelawanan (Geiser, Okun & Grano, 2014) bagi memastikan sukarelawan boleh memilih program kesukarelawanan yang sesuai dengan kecenderungan mereka.

Kebanyakan kajian dalam dan luar negara tentang kesukarelawanan banyak mengkaji tentang dimensi kesukarelawanan terhadap golongan belia dan pelajar universiti di institusi pengajian tinggi contohnya Wan Nur Izzati (2015), Fauziah, Aizan Sofea & Tharshini (2015) dan Tuan Pah Rokiah & Lilah (2016). Namun kajian tentang kesukarelawanan di kalangan guru pelatih di dalam dan di luar negara agak terhad sedangkan peranan guru di sekolah untuk menggalakkan kesukarelawanan adalah lebih berkesan berbanding ibu bapa (Mardhiyyah et al., (2013), kerana ibu bapa kadangkala terlampau sibuk bekerja hingga tidak dapat menyertai sebarang





aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan (Holdsworth, 2010 dalam Mardhiyyah et al, 2013). Oleh itu kajian yang mengkhusus kepada guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia masih perlu dijalankan dan diperbanyakkan.

Kajian tentang sukarelawan terhadap golongan belia dan mahasiswa kebanyakannya mendapati golongan ini didorong oleh motivasi nilai iaitu ingin membantu anggota masyarakat yang memerlukan dan motivasi kerjaya iaitu ingin mendapatkan pengalaman sebelum terjun dalam dunia pekerjaan yang sebenar contohnya seperti kajian Fauziah et al. (2015), Wan Nur Izzati (2015); Papadakis, Griffin dan Frater, (2004); Thapa dan Gage (2013), tetapi kajian yang dibuat untuk mengkaji tahap motivasi yang mendorong guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia yang akan terus ditempatkan di sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia, terlibat dalam aktiviti sukarelawan seharusnya dikaji dengan lebih mendalam.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan terhadap golongan belia di Malaysia mendapati terdapat penurunan bilangan belia yang terlibat dalam sukarelawan iaitu hanya 65.4 peratus pada tahun 2011 berbanding 67.4 peratus pada tahun 2008 (Laporan Indeks Belia Malaysia, 2011). Ini menimbulkan persoalan mengapakah fenomena ini terjadi. Maka, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti motivasi sukarelawan dalam kalangan guru pelatih yang merupakan bakal guru pada masa hadapan. Diharapkan bakal guru yang bakal dilahirkan oleh institut pendidikan guru adalah guru yang akan sentiasa terlibat dalam menyokong dan mendukung program sukarelawan di Malaysia.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji motivasi kesukarelawanan guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak.. Kajian ini memfokuskan kepada kumpulan guru pelatih yang berada dalam tahun akhir pengajian di IPG iaitu guru pelatih semester 7 dan 8.

Secara khususnya, kajian ini mempunyai objektif-objektif berikut:

1. Menenalpasti tahap dimensi motivasi kesukarelawanan guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak.
2. Menenalpasti tahap kesediaan guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak untuk terus menjadi sukarelawan.
3. Menenalpasti tahap kepuasan sebagai sukarelawan guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak.
4. Mengetahui hubungan antara motivasi kesukarelawanan dengan jantina guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak.
5. Mengetahui hubungan antara motivasi kesukarelawanan dengan tahap kepuasan diri guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak.



6. Mengetahui hubungan antara motivasi kesukarelawanan dengan penglibatan berterusan sebagai sukarelawan guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak.

1.5 Hipotesis Kajian

Bagi menjelaskan objektif kajian bagi (4) hingga (6) pengkaji menggunakan hipotesis kajian seperti berikut:

Hipotesis Kajian 1:

H₀1:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi kesukarelawanan dengan jantina guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak.

Hipotesis Kajian 2:

H₀2:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi kesukarelawanan dengan tahap kepuasan diri guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak.


Hipotesis Kajian 3:

H₀3:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi kesukarelawanan dengan penglibatan berterusan sebagai sukarelawan guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak.

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kerangka konsep seperti di bawah. Sumber diubahsuai berdasarkan instrumen Volunteer Functions Inventory oleh Clary dan Snyder (1998).



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Motivasi Kesukarelawanan Dalam Kalangan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Di Sarawak



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian terhadap motivasi kesukarelawanan dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Sarawak amat penting untuk dijalankan bagi memahami motivasi kesukarelawanan guru pelatih secara akademik. Apabila tahap motivasi kesukarelawanan diketahui dengan jelas, akan dapat memudahkan Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia merancang silibus dan aktiviti di dalam kursus Bina Insan Guru secara lebih tersusun dan menepati motivasi kesukarelawanan guru pelatih. Hasil kajian ini diharap akan membantu guru pelatih memahami aktiviti kesukarelawanan yang bersesuaian dengan motivasi diri mereka sekaligus akan mendorong bakal-bakal guru ini terus melibatkan diri dalam bidang kesukarelawanan setelah menjadi seorang pendidik pada masa depan.



Kajian ini juga akan dapat mengisi kelompangan dan menambah sumbangan literatur dalam bidang motivasi kesukarelawanan di Malaysia terutamanya tahap motivasi kesukarelawanan dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Kajian ini juga dapat mendedahkan hubungan di antara motivasi dengan jantina, kepuasan sebagai sukarelawan dan penglibatan berterusan guru pelatih sebagai sukarelawan pada masa hadapan. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia boleh merangka aktiviti-aktiviti kesukarelawanan yang sesuai apabila guru-guru pelatih telah berada di sekolah untuk memastikan mereka dapat terus memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara sebagai sukarelawan.





1.8 Batasan Kajian

- a. Kajian ini telah dijalankan terhadap guru pelatih tahun akhir Institut Pendidikan Guru di Sarawak. Jadi, kajian ini tidak menyeluruh kepada semua guru pelatih yang lain.
- b. Sampel kajian ini hanya melibatkan guru pelatih di dua buah Institut Pendidikan Guru di Sarawak iaitu IPG Kampus Tun Abdul Razak dan IPG Kampus Batu Lintang. Jumlah populasi guru pelatih tahun akhir bagi kajian ini adalah seramai 423 orang.
- c. Sampel bagi kajian ini tidak mewakili kesemua guru pelatih tahun akhir yang sedang belajar di IPG lain seluruh Malaysia.
- d. Kajian ini telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Kaedah pengumpulan data yang lain jika turut dijalankan akan memantapkan lagi dapatan kajian.
- e. Dapatan kajian hanya menggambarkan sampel kajian ini sahaja dan sebarang kesimpulan untuk kumpulan guru pelatih yang lain mestilah dilakukan berlandaskan data dan maklumat yang tepat.





1.9 Definisi Istilah

Beberapa konsep yang akan digunapakai di dalam kajian perlu dinyatakan untuk menjelaskan maksudnya. Konsep-konsep tersebut adalah seperti berikut:-

1.9.1 Motivasi Kesukarelawanan

Dorongan atau motivasi adalah perkara yang boleh menghasilkan tingkah laku (Tuan Pah & Lilah, 2016). Menurut Azlina, Nur Afiah dan Noor Shahirah (2016), penyertaan dan tahap penglibatan belia dalam kerja berbentuk kesukarelawanan adalah disebabkan oleh motivasi kesukarelawanan seseorang. Clary dan Snyder (1998) mempercayai bahawa motivasi adalah faktor penting penglibatan seseorang dalam kerja-kerja kesukarelawanan. Dalam kajian ini, motivasi kesukarelawanan adalah bersandarkan instrumen Volunteer Functions Inventory yang dibina oleh Clary dan Snyder (1998) berasaskan teori fungsi iaitu motivasi nilai peribadi, motivasi kerjaya, motivasi sosial, motivasi kefahaman, motivasi perlindungan dan motivasi peningkatan.





1.9.2 Institut Pendidikan Guru (IPG)

Institut Pendidikan Guru merupakan institusi yang melaksanakan latihan perguruan yang bernaung di bawah satu badan induk iaitu Institut Pendidikan Guru Malaysia di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Terdapat 27 buah Institut Pendidikan Guru di seluruh negara yang menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan bagi membekalkan guru-guru baharu yang berijazah dan terlatih di sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia. Institut Pendidikan Guru dibentuk dengan membawa aspirasi sebagai institusi latihan perguruan unggul yang bertanggungjawab untuk melahirkan para guru berpekerti mulia yang berpandangan progresif dan saintifik serta mampu menjunjung aspirasi negara. Guru yang dihasilkan juga diharap dapat memelihara warisan budaya Malaysia (Standard Guru Malaysia). Dalam kajian ini, Institut Pendidikan Guru yang terlibat adalah IPG di Sarawak iaitu IPG Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan dan IPG Kampus Batu Lintang, Kuching Sarawak. Selepas ini, dalam kajian ini, Institut Pendidikan Guru akan ditulis sebagai IPG.

1.9.3 Bina Insan Guru (BIG)

Kursus Bina Insan Guru (BIG) merupakan salah satu komponen kursus wajib di institut pendidikan guru selama 6 fasa yang bermula pada semester 1 dan berakhir pada semester 6. Kursus Bina Insan Guru bertujuan untuk mengembangkan berbagai potensi kognitif, afektif dan psikomotor pelajar secara menyeluruh dan bersepadu





(Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian, 2012). Kursus ini dianggap sangat penting kepada guru pelatih kerana dijalankan selama 6 semester daripada 8 semester keseluruhan masa yang diambil oleh guru pelatih yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Institut Pendidikan Guru seluruh Malaysia. Dalam kajian ini, kursus Bina Insan Guru akan ditulis sebagai BIG.

1.9.4 Guru Pelatih

Guru pelatih bermaksud pelajar yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru seluruh Malaysia. Guru pelatih akan mengikuti Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) dahulu selama 2 semester. Pelajar yang lulus tahap persediaan ini akan menyambung ke peringkat seterusnya iaitu PISMP selama 4 tahun iaitu 8 semester. Kurikulum program PISMP terdiri daripada tiga komponen utama iaitu kursus wajib, teras dan elektif yang kesemuanya terdiri daripada 133 mata kredit.

Dalam kajian ini, sampel kajian merupakan guru pelatih tahun akhir yang terdiri daripada guru pelatih lelaki dan perempuan yang sedang belajar dalam semester 7 dan 8, serta telah selesai menyempurnakan kursus Bina Insan Guru (BIG).





1.10 Rumusan

Guru pelatih yang sedang mengikuti pengajian di IPG dalam tahun akhir telah selesai mengikuti kursus Bina Insan Guru (BIG) yang mewajibkan mereka terlibat dalam program Khidmat Masyarakat sebagai sebahagian daripada kursus wajib. Selain itu, guru pelatih juga terlibat dengan program-program kesukarelawanan anjuran IPG kampus, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak NGO. Sehubungan itu, kajian terhadap motivasi kesukarelawanan dapat memberi maklumat tentang motif yang mendorong penglibatan guru pelatih dalam kesukarelawanan, tahap motivasi kesukarelawanan guru pelatih, hubungan motivasi kesukarelawanan dengan jantina, kepuasan dan penglibatan berterusan sebagai sukarelawan pada masa hadapan selepas meninggalkan IPG. Kajian ini juga dapat memastikan program yang menepati motivasi kesukarelawanan dan memenuhi kepuasan guru pelatih dapat dirangka dan diwujudkan lebih banyak pada masa akan datang. Pengkaji juga berharap melalui kajian ini, akan dapat memberi dorongan kepada guru pelatih untuk mengikuti program kesukarelawanan yang bersesuaian dengan motif penglibatan mereka seterusnya menyebabkan guru pelatih kekal menjadi sukarelawan walaupun telah terjun ke alam pekerjaan serta menjadi contoh sukarelawan yang sedia berkhidmat kepada masyarakat dan negara walaupun aktiviti kesukarelawanan akan menuntut komitmen, pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit.

